

Najib Berlepas Pulang Selepas Akhiri Lawatan Ke Myanmar
Bernama
29 Mac, 2012
Oleh Leslean Arshad

NAYPYITAW, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan delegasinya Khamis berlepas pulang ke tanah air dari ibu negara Myanmar selepas mengakhiri lawatan rasmi dua hari ke Myanmar.

Pesawat khas yang membawa Najib, isterinya Datin Seri Rosmah Mansor dan delegasi berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Naypyitaw di sini pada kira-kira 3.30 petang waktu tempatan (5 petang waktu Malaysia).

Pada lawatannya ke negara ini, Najib mengadakan pertemuan dengan Presiden Myanmar U Thin Seen, ahli perniagaan Myanmar dan rakyat Malaysia di negara ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655734>